

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dalam hal perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Butiran 13 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Justeru, Kerajaan Persekutuan melalui Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] mengawal selia hal perkara Pendidikan iaitu berkenaan dengan pendidikan rendah, menengah, vokasional dan teknik, latihan guru, pendaftaran dan pengawalan guru serta pengurus dan sekolah. Setakat ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, hal perkara berkaitan pendidikan masih merupakan hal perkara Persekutuan.

Memandangkan Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengenainya Parlimen boleh membuat undang-undang dan kuasa eksekutif sesuatu Negeri meliputi segala perkara yang

NO. SOALAN : 31

mengenainya Badan Perundangan Negeri itu boleh membuat undang-undang, Badan Perundangan Negeri tidak boleh membuat sesuatu undang-undang yang mengatasi undang-undang Persekutuan dalam hal perkara yang merupakan kuasa perundangan Persekutuan. Maka, sesuatu Negeri tidak boleh menjalankan kuasa eksekutif tanpa kuasa perundangan yang diberikan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.